



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# **KERATAN AKHBAR 27 MEI 2017**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# ISU : PAMPASAN PERKESO

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	27.05.2017 Sabtu	<b>UTUSAN MALAYSIA</b> Pengawal keselamatan terima pampasan RM92,933	Dalam Negeri 28	PERKESO



**TAN JAN FAI** menerima cek pampasan Perkeso daripada Abu Hurairah Ahmad (kiri) di rumahnya di Taman Indera Mahkota Dua, Kuantan, Pahang, semalam.

## Pengawal keselamatan terima pampasan RM92,933

**KUANTAN 26 Mei** - Seorang pengawal keselamatan yang lumpuh separuh badan ekoran kemalangan jalan raya dua tahun lalu menarik nafas lega apabila mendapat pampasan sebanyak RM92,933.80 daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akibat hilang upaya kekal.

Tan Jan Fai, 49, melahirkan rasa terharu kerana turut menerima kerusi roda, alat sokongan membuang air kecil, lampin pakai buang dan pencen ilat secara bulanan berjumlah RM1,900 bagi seumur hidup.

"Selepas kemalangan ketika pulang dari bekerja pada 1 Oktober 2012, saya rasakan hidup ini gelap seperti tiada masa depan. Saya hilang punca pendapatan.

"Selama tempoh ini hanya mengharapkan sumbangan keluarga dan rakan-rakan yang dianggarkan sebanyak RM4,000 sebulan termasuk membeli ubat-ubatan serta lampin pakai buang," katanya kepada pemberita ketika dikunjungi oleh wakil Perkeso di rumahnya di Indera Mahkota di sini hari ini.

Jan Fai berkata demikian selepas menerima cek faedah dan

alat pemulihan yang disampaikan oleh Pengarah Perkeso negeri, Abu Hurairah Ahmad.

Menurut Jan Fai, dia bersyukur kerana majikan membuat caruman Perkeso sehingga membolehkannya menerima pampasan dan pelbagai bantuan seperti alat-alat pemulihan.

"Selepas kemalangan itu, adik dan isteri, Ratchanee Uthong, 56, segera ke pejabat Perkeso untuk membuat tuntutan dan saya lega apabila semuanya berjalan dengan lancar.

"Dengan pampasan ini sedikit sebanyak meringankan beban kewangan yang ditanggung sepanjang dua tahun ini," jelasnya.

Sementara itu, Abu Hurairah berkata, setiap majikan perlu membuat caruman kepada pekerja sama ada tetap, masih dalam kontrak atau sambilan bagi membolehkan mereka mendapat faedah jika terlibat dalam kemalangan ketika bekerja.

"Jika mencarum, para pekerja layak mendapat faedah berdasarkan kecederaan yang dialami termasuk bantuan-bantuan lain seperti alat pemulihan," jelasnya.